TPM dimaklum tarik balik penggantungan Adun MCA

Oleh Teh Kean Kiat

BH - 15 JUL 2003

KUALA LUMPUR: Presiden MCA, Daruk Seri Ong Ka Ting sudah memaklumkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam berhubung penarikan balik penggantungan keahlian dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang.

Beliau berkata, parti itu juga memaklumkan keputusan Majlis Presiden MCA untuk menarik balik penggantungan keahlian Adun MCA itu, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi), kepada Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat melalui surat.

"MCA juga menulis surat kepada Mohamed untuk meminta Dewan Tertinggi BN meluluskan keputusan parti," kata Ong mengulas kenyataan Abdullah bahawa keputusan penarikan balik penggantungan itu mesti diputuskan oleh Dewan Tertinggi BN.

Kelmarin, Abdullah berkata, mengikut prosedur, BN perlu bermesyuarat untuk mendengar pandangan ahlinya berhubung kes itu termasuk Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sama ada mahu menarik balik atau tidak penggantungan itu.

Pada 10 Julai lalu, Majlis Presiden MCA menarik balik penggantungan keahlian Lim dan Tan yang berkuat kuasa serta-merta.

Keputusan itu mendapat kritikan parti komponen BN khasnya Gerakan yang menguasai Pulau Pinang kerana MCA dikatakan tidak memaklumkan keputusannya kepada BN negeri.

Ong berkata, sejak kedua-duanya digantung keahlian 16 Disember lalu, parti itu menerima banyak rayuan daripada rakyat untuk membatalkan penggantungan keahlian supaya mereka boleh menjalankan tugas lebih berkesan kepada masyarakat setempat.

Tan dan Lim mengambil sikap berkecuali daripada mengundi ke atas usul DAP di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 November lalu bagi menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong berharga RM400 juta.

Pada 7 Januari lalu, Dewan Tertinggi BN menerima keputusan MCA menggantungdua Adun itu, tetapi menentukan sendiri tempoh penggantungan mereka.

Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekali lagi menegaskan MCA sudah mengikut prosedur ditetapkan ketika menarik balik penggantungan keahlian kedua-dua Adun itu.

Beliau berkata, pada mulanya, par itu mendapatkan pandangan dari pada kepemimpinan BN termasuk D Mahathir yang juga Perdana Menter berhubung status Lim dan Tan.

Katanya, Majlis Presiden MCA ha nya mengadakan perjumpaan pad Khamis lalu untuk membincangka penarikan balik penggantungan it selepas mendapat persetujuan D Mahathir.

Beliau berkata, penarikan bali penggantungan itu mengikut prose dur sama seperti ketika MCA meng gantung keahlian mereka pada 1 Disember lalu.

"Saya sendiri tidak boleh pergi k Dewan Tertinggi BN untuk memint penarikan balik penggantungan ke dua-dua Adun itu. Keputusan berkt naan terlebih dulu perlu dibuat ole MCA," katanya.